Oleh **ZUBAIDAH IBRAHIM**

ISU

Peragut semakin kejam, berbahaya

MEOR ROSLAN

ZAITON

SEPERTIMANA jenayah-jenayah lain, kejadian ragut juga boleh berlaku kepada sesiapa sahaja sekiranya aspek keselamatan diabaikan. Ini kerana malang tidak berbau dan ia boleh terjadi pada bila-bila masa.

Sikap waspada dapat membantu mengurangkan risiko kejadian jenayah dan menjaga keselamatan diri serta harta benda daripada ancaman penjenayah.

Menurut **Penganalisis Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Mior Roslan Mior Mohd. Jaafar**, peragut pada masa kini berbeza berbanding dulu kerana mereka bertindak lebih kejam serta berbahaya.

"Suatu ketika dahulu, peragut tidak bertindak agresif dan tanpa menggunakan senjata tetapi kini mereka mempunyai persediaan cukup rapi serta melakukan perubahan teknik bagi menjayakan kerja terkutuk itu tanpa halangan.

"Ia ekoran adanya kesedaran dalam masyarakat yang bertindak menghulurkan bantuan kepada mangsa sehinggakan peragut berasa terancam dan mengambil pendekatan berbeza dengan menggunakan senjata untuk mempertahankan diri," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambahnya, penjenayah yang melakukan aktiviti tidak bermoral itu perlu membuat perancangan tambahan untuk meloloskan diri pada masa-masa getir.

Ujar Mior Roslan, peragut kebiasaannya akan memastikan tempat untuk melakukan jenayah itu ada jalan keluar dan masuk sebelum bertindak.

PASTIKAN kawasan meletak kereta di tempat yang selamat bagi mengelak kejadian jenayah. – Gambar hiasan

"Kawasan gelap, tidak ramai orang dan tiada pegawai penguat kuasa menjadi tempat pilihan peragut untuk melakukan jenayah.

Habuan lumayan

"Peragut akan membuat pemerhatian dan memilih sasaran sebelum bertindak seperti di kaunter-kaunter pembayaran, melihat daripada aspek pakaian serta hari menerima gaji kerana mereka yakin mendapat habuan yang lumayan," jelasnya.

Sehubungan itu, beliau menyarankan beberapa langkah keselamatan untuk diamalkan sepanjang masa iaitu cari tempat selamat untuk meletakkan kenderaan terutamanya wanita yang berseorangan agar tidak membuka peluang kepada insiden jenayah.

Orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak melawan sekiranya diserang peragut kerana penjenayah sudah membuat persediaan dan pemerhatian terlebih dahulu sama ada selamat atau tidak melakukannya di tempat tersebut pada ketika itu.

Terangnya lagi, perkara paling penting dalam pencegahan jenayah adalah sentiasa berwaspada dan mempunyai kesedaran keselamatan diri yang tinggi.

Kongsinya lagi, peragut tidak semestinya mempunyai latar belakang ketagihan dadah kerana ketika berada dalam keadaan khayal, mereka sebenarnya tidak mampu membuat perancangan rapi dan baik.

Hakikatnya, yang paling ditakuti adalah terhadap kumpulan sindiket peragut dan sumber pendapatan mereka bergantung sepenuhnya menerusi jenayah ragut sehinggakan mereka sanggup bertindak kejam.

Pada 19 Januari lalu, *Kosmo!* melaporkan gara-gara menendang peragut yang cuba merampas beg tangan, seorang jururawat cedera di muka akibat ditoreh dengan pisau dalam kejadian di kawasan letak kereta di sebuah pasar raya di Bandar Sri Perdana, Jalan Silam, Sabah.

Dalam kejadian pukul 9 malam itu, Normalia Tuang, 42, yang bertugas di sebuah klinik swasta di Kinabatangan baru selesai membeli barang kelengkapan dapur seorang diri di pasar raya berkenaan.

Ketika mangsa sedang memunggah barang untuk dimasukkan ke dalam kenderaan pacuan empat roda Mitsubishi Triton miliknya, seorang lelaki tidak dikenali cuba menarik beg tangan mangsa.

Mangsa yang terkejut terus melawan dengan menendang lelaki itu sehingga terjatuh.

Melihat mangsa yang agresif, lelaki itu bangun dan terus menoreh muka jururawat itu menggunakan pisau menyebabkan dia mengalami kecederaan teruk pada dahi, hidung dan mulut.

PERAGUT kini lebih berbahaya sehingga sanggup mencederakan mangsa. – Gambar hiasan

Sementara itu, **Pensyarah di Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak, Prof. Madya Dr. Zaiton Hassan** berkata, peragut mengalami masalah dari sudut psikologi.

Hukum fitrah

"Mereka (peragut) bertindak agresif dan kurang sifat perikemanusiaan serta melanggar hukum fitrah manusia yang mempunyai nilai kasih sayang.

"Dek kerana terdesak untuk mendapatkan sesuatu, mereka sanggup bertindak kejam sehingga mencederakan mangsa tanpa rasa simpati," katanya.

Menyentuh mengenai kesan psikologi terhadap mangsa, Zaiton berkata, sudah tentu ia meninggalkan trauma yang mendalam apatah lagi kecederaan itu pada bahagian muka iaitu aset penting seorang wanita.

Mangsa sangat memerlukan sokongan sosial daripada orang sekeliling manakala peranan kaunselor dan psikiatri untuk membincangkan perkara ini lebih mendalam begitu penting.

"Masyarakat perlu mengubah persepsi bahawa tidak semestinya orang yang mempunyai masalah mental sahaja perlu berjumpa dengan mereka. Ini kerana hal kecil yang dibiarkan akan mengundang musibah besar dalam kehidupan pada masa hadapan.

"Dikhuatiri mangsa akan menjadi pendendam atau menjalani hidup dengan perasaan sangat takut, namun ia bergantung kepada diri seseorang individu," tuturnya.

Wanita tendang penjenayah sampai terjatuh, wajah dicederakan dengan pisau

Muka jururawat ditoreh peragut

KERATAN *Kosmo!* 19 Januari 2017.